

MAJLIS OPTIK MALAYSIA

E-BULETIN 2024

EDISI KEEMPAT





PERUTUSAN PENGARAH

BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga MOC.***

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan penerbitan e-Buletin edisi keempat oleh Majlis Optik Malaysia. Inisiatif ini bukan sahaja menjadi platform untuk menyampaikan maklumat terkini, tetapi juga mencerminkan dedikasi MOC dalam memperkukuhkan profesionalisme dan mempertingkatkan kesedaran tentang profesion optometris dan juruoptik serta kepentingannya dalam sistem kesihatan negara.

Dalam era yang sentiasa berkembang ini, peranan optometris dan juruoptik semakin signifikan bagi memastikan penjagaan kesihatan penglihatan yang berkualiti. Justeru, usaha untuk berkongsi perkembangan terkini, amalan terbaik, serta pencapaian MOC melalui e-Buletin ini amatlah dihargai. Saya percaya bahawa kandungan yang dikongsikan akan memberikan manfaat kepada semua pihak, termasuk para profesional, penyedia perkhidmatan kesihatan, serta masyarakat umum.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan editorial yang telah berusaha keras dalam menerbitkan e-Buletin ini. Komitmen dan dedikasi anda sangat penting dalam memastikan penyampaian maklumat yang tepat dan bermutu. Semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan lebih banyak perkongsian yang bermanfaat.

Akhir kata, saya berharap e-Buletin ini dapat menjadi sumber rujukan yang berkesan dan mendorong usaha berterusan ke arah peningkatan standard perkhidmatan optometri di Malaysia. Semoga kita terus bekerjasama dalam memperkukuh sektor kesihatan demi kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mohamed Iqbal bin Hamzah
Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SEKAPUR SIREH

***Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.***

Dengan penuh rasa syukur, kita bertemu kembali dalam tahun keempat penghasilan e-Buletin Majlis Optik Malaysia. Edisi keempat ini sekali lagi menjadi bukti komitmen kita dalam menyampaikan maklumat terkini serta merakamkan pencapaian yang telah diukir sepanjang tahun 2024.

Penerbitan e-Buletin ini memainkan peranan penting dalam menghubungkan semua pihak yang terlibat dalam bidang optometri. Ia bukan sekadar saluran informasi, tetapi juga sebagai medium perkongsian ilmu, pengalaman, serta inisiatif yang dapat memperkasa sektor ini. Saya percaya bahawa setiap edisi membawa nilai tambah yang bermanfaat kepada pembaca, sekaligus membantu dalam usaha memperkukuh tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kru redaksi yang bertanggungjawab dalam menjayakan penerbitan e-Buletin ini. Usaha anda amat dihargai dalam memastikan setiap maklumat yang disampaikan relevan dan bermanfaat kepada para pembaca, sekaligus menjadi wadah penting dalam perkembangan profesion optometris dan juruoptik di Malaysia. Sokongan daripada semua pihak juga amat dihargai dalam memastikan kesinambungan penerbitan ini pada masa akan datang.



Akhir kalam, saya menyusun jari memohon maaf atas sebarang kekurangan daripada pihak MOC sepanjang tahun ini. Semoga Allah S.W.T. mengurniakan kesihatan dan keberkatan kepada kita semua agar dapat bertemu lagi dalam edisi seterusnya tahun hadapan. Marilah kita terus berganding bahu dalam memperkasa profesion optometris dan juruoptik, demi kesejahteraan masyarakat serta peningkatan kualiti perkhidmatan penjagaan mata di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Pn. Nor Azizah binti Ismail
Setiausaha
Majlis Optik Malaysia

DARI MEJA PENGARANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur, kami mempersembahkan e-Buletin Majlis Optik Malaysia Edisi Keempat. Penerbitan ini merupakan platform penting dalam menyampaikan maklumat terkini serta berkongsi pencapaian Majlis Optik Malaysia sepanjang tahun 2024.

Semoga kandungan yang disampaikan dapat memberi manfaat dan wawasan baharu kepada semua pembaca dan memperkasakan bidang optometri di Malaysia.

Kami juga amat menghargai sebarang pandangan dan cadangan bagi menambah baik penerbitan ini pada masa hadapan. Semoga tahun 2025 membawa kejayaan dan kebaikan kepada kita semua, serta memberi inspirasi untuk terus cemerlang dalam profesion dan kehidupan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

***Sidang Redaksi
Majlis Optik Malaysia***

Penasihat

Pn. Nor Azizah binti Ismail

Ketua Editor

En. Khairul Azfar bin Ahmad

Editor

Cik Siti Shahirah binti Sabran

Diterbitkan oleh

Majlis Optik Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Wilayah Persekutuan Putrajaya



Kementerian Kesihatan Malaysia



KAKITANGAN MAJLIS OPTIK MALAYSIA

SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN



LAWATAN PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM

Sektor ini bertanggungjawab dalam penetapan standard program optometri dan opticianri di dalam negara bagi kelulusan akreditasi program serta memastikan pematuhan standard oleh Pemberi Pendidikan Tinggi. Selain itu, sektor ini juga mengendalikan proses pemberian kelulusan akreditasi dan pengiktirafan kepada institusi yang ingin menawarkan program berkaitan.

Sektor ini turut menguruskan APEL (C) bagi juruoptik berdaftar yang ingin melanjutkan pengajian ke program optometri (*accelerated*). Seterusnya, sektor ini juga bertanggungjawab dalam perakuan kelayakan kelulusan oleh institusi untuk disenaraikan dalam Jadual Akta Optik 1991, bagi membolehkan pendaftaran graduan dilakukan.

UNIT OPERASI DAN KEWANGAN

Unit Operasi & Kewangan memainkan peranan penting dalam pengurusan hasil serta penganjuran kursus, bengkel, dan aktiviti yang dianjurkan oleh MOC. Dari segi pentadbiran, unit ini menguruskan sumber manusia serta kewangan untuk memastikan kelancaran operasi MOC secara keseluruhan.

PENILAIAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR CREDIT AWARD (APEL C)

Sepanjang tahun 2024, sebanyak tiga (3) mesyuarat Penilaian Portfolio Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award atau APEL (C) telah dijalankan sepertimana jadual di bawah:

MESYUARAT PENILAIAN PORTFOLIO APEL (C)

MESYUARAT	TARIKH
MESYUARAT PENILAIAN PORTFOLIO APEL (C) BIL. 1/2024	24 OKTOBER 2024
MESYUARAT PENILAIAN PORTFOLIO APEL (C) BIL. 2/2024	30 OKTOBER 2024
MESYUARAT PENILAIAN PORTFOLIO APEL (C) BIL. 3/2024	4 NOVEMBER 2024

Sumber: Sektor Pengiktirafan, Operasi & Kewangan MOC



MESYUARAT PENILAIAN PORTFOLIO APEL (C)

24 & 30 OKTOBER 2024

PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM

Penilaian pemantauan akreditasi telah dilaksanakan ke atas lima (5) program sepanjang tahun 2024.

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PENUH

PROGRAM	INSTITUT/UNIVERSITI	TARIKH
PROGRAM OPTOMETRI - B. OPTOM	UNIVERSITI SEGi	9 MEI 2024
PROGRAM OPTOMETRI - B. OPTOM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	20 MEI 2024

LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI SEMENTARA

PROGRAM	INSTITUT/UNIVERSITI	TARIKH
PROGRAM DIPLOMA IN OPTICIANRY	UNIVERSITI UCSI	9 MEI 2024
PROGRAM OPTOMETRI (ACCELERATED) – BSc. OPTOM	UNIVERSITI SEGi	20 MEI 2024
PROGRAM DIPLOMA IN OPTICIANRY	KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TWINTech	5 SEPTEMBER 2024

Sumber: Sektor Pengiktirafan, Operasi & Kewangan MOC

**LAWATAN PANEL PENILAI MQA/MOC
BAGI PENILAIAN PEMANTAUAN
AKREDITASI PENUH IJAZAH
SARJANA MUDA OPTOMETRI
(KEPUJIAN) UiTM PUNCAK ALAM**

20 MEI 2024



SEKTOR PENDAFTARAN

Sektor Pendaftaran bertanggungjawab dalam proses pendaftaran optometris dan juruoptik yang memenuhi kelayakan serta pengeluaran Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) bagi semua pengamal berdaftar. Selain itu, sektor ini mengendalikan Penilaian Kelayakan Profesional (PQA) bagi permohonan pendaftaran optometris yang memiliki kelayakan yang tidak disenaraikan dalam Jadual Kedua Akta Optik 1991. Begitu juga, ia turut menguruskan PQA bagi permohonan pendaftaran juruoptik yang mempunyai kelayakan yang tidak tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Optik 1991 dan Seksyen 18(2)(a) Akta Optik 1991.



TAKLIMAT PENDAFTARAN OPTOMETRIS DAN JURUOPTIK

PENDAFTARAN PENGAMAL OPTOMETRI

Bermula Januari 2023, sektor pendaftaran telah memperkenalkan prosedur pendaftaran baharu di mana pemohon diwajibkan untuk hadir ke taklimat pendaftaran sebelum dibenarkan berdaftar dengan MOC. Sebanyak 173 orang pengamal baharu telah didaftarkan dengan MOC pada sesi taklimat pendaftaran yang dijalankan sepanjang tahun 2024.

BILANGAN PENGAMAL BERDAFTAR PADA TAHUN 2024

	BARU BERDAFTAR 2024	PENGAMAL SEDIA ADA	MENINGGAL DUNIA & BERSARA
JURUOPTIK	35	3517	22
OPTOMETRIS	138	3184	237
JUMLAH	173	6701	259

Sumber: Sektor Pendaftaran MOC

PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC)

Malaysian Healthcare Practitioners' System (MHPS) berfungsi sebagai sistem utama untuk pengurusan pendaftaran dan pengeluaran Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) bagi optometris dan juruoptik. Melalui MHPS, pengamal boleh mendaftar akaun, memohon APC, dan mengemas kini maklumat seperti pertukaran alamat tempat amalan. MOC menyediakan panduan pengguna untuk membantu pengamal dalam proses pendaftaran dan pengaktifan akaun melalui MHPS.

Selain itu, MHPS memudahkan MOC dalam memantau dan mengawal selia pengamal optik di Malaysia, memastikan hanya individu yang berkelayakan dan berdaftar dibenarkan untuk beroperasi. Ini selaras dengan objektif MOC untuk menjaga standard profesion optometri dan juruoptik di negara ini.

Pada 15 Ogos 2024, Unit APC dari Sektor Pendaftaran telah membuka *booth* APC bagi membantu pengamal berdaftar memperbaharui APC secara atas talian dengan kerjasama penganjur program Orthoptic Workshop di TH Hotel Kelana Jaya, Petaling Jaya.

BILANGAN PENGAMAL YANG MEMPERBAHARUI APC 2024 & APC 2025

	2024	2025
JURUOPTIK	2225	2080
OPTOMETRIS	2576	2330
JUMLAH	4801	4410
PERATUSAN	75%	64%

Sumber: Sektor Pendaftaran MOC

JAWATANKUASA PENILAIAN, MAJLIS OPTIK

Jawatankuasa Penilaian MOC diwujudkan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pendaftaran pengamal dan amalan optometri di Malaysia. Pada tahun 2024, sebanyak tiga (3) mesyuarat JKP telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN 2024

MESYUARAT	TARIKH
JKP BIL. 1/2024	24 JANUARI 2024
JKP BIL. 2/2024	26 APRIL 2024
JKP BIL. 3/2024	19 SEPTEMBER 2024

Sumber: Sektor Pendaftaran MOC

PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT (PQA)

MOC, dengan kerjasama Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia, telah berjaya melaksanakan Professional Qualifying Assessment (PQA) bagi membolehkan graduan dalam bidang opticianri yang kelayakannya tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta 1991 didaftarkan sebagai juruoptik berdaftar. Sepanjang tahun 2024, sebanyak tiga (3) sesi PQA untuk Juruoptik dan Optometris telah dijalankan.



SESI PQA YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2024

PQA	TARIKH	BILANGAN CALON
PQA JURUOPTIK	4 MEI 2024	2
PQA OPTOMETRIS (TEORI)	29 APRIL 2024	2
PQA OPTOMETRIS (AMALI)	28 JUN 2024	2

Sumber: Sektor Pendaftaran MOC



PENILAIAN KELAYAKAN PROFESSIONAL (PQA) OPTOMETRIS DI KLINIK OPTOMETRI UIAM, KUANTAN

28 - 29 JUN 2024



SEKTOR KOMPETENSI

Sektor Kompetensi bertanggungjawab dalam pengurusan permohonan penetapan mata CPD oleh pembekal program CPD serta tuntutan mata CPD oleh pengamal optometri bagi memastikan perkembangan profesional mereka. Selain itu, sektor ini mengendalikan peperiksaan kanta lekap bagi juruoptik berdaftar sebagai syarat sebelum mengeluarkan sijil kebenaran untuk mempreskripsi dan mendispens kanta lekap.




CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

Sistem MyCPD 2.0 ialah platform dalam talian yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membantu pengamal kesihatan di Malaysia dalam mengurus dan merekod aktiviti pembelajaran berterusan mereka.

Bagi memastikan pembelajaran professional sepanjang hayat yang sistematik dalam kalangan optometris dan juruoptik berdaftar, MOC giat menggalakkan semua pengamal optometri untuk berdaftar dan aktif membuat tuntutan mata CPD dalam sistem MyCPD 2.0.

PERMOHONAN TUNTUTAN MATA CPD (1 Januari 2024 - 9 Disember 2024)



Sumber: Sektor Kompetensi MOC

JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA

Jawatankuasa Khas Perkhidmatan Penjagaan Mata Primer Optometris Swasta berfungsi untuk menetapkan standard dan meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan mata oleh optometris swasta melalui pembangunan garis panduan, modul latihan, serta kaedah penilaian profesional. Pada tahun 2024, sebanyak empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Khas Perkhidmatan Penjagaan Mata Primer Optometris Swasta telah diadakan pada tarikh-tarikh berikut:

MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA 2024

MESYUARAT	TARIKH
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA BIL. 1/2024	3 MEI 2024
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA BIL. 2/2024	2 JULAI 2024
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA BIL. 3/2024	21 OGOS 2024
MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA BIL. 4/2024	29 SEPTEMBER 2024

Sumber: Sektor Kompetensi MOC

MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA PRIMER OPTOMETRIS SWASTA BIL.1/2024

3 MEI 2024



SEKTOR ETIKA & AKTA




**MESYUARAT PERBINCANGAN BERKENAAN GARIS PANDUAN
FASILITI OPTOMETRI SWASTA**

Sektor Etika dan Akta bertanggungjawab dalam penguatkuasaan Akta Optik 1991 serta Peraturan-Peraturan Optik 1994 bagi memastikan pematuhan dalam bidang optometri. Selain itu, sektor ini mengendalikan surveilans ke atas pengamal optometri serta menyiasat dan menguruskan aduan berkaitan pengamal optometri dan perkhidmatan MOC. Ia juga berperanan dalam pengendalian pindaan Akta Optik 1991, Peraturan-Peraturan Optik 1994, dan Kod Tata Amalan bagi memastikan perundangan sentiasa relevan.

ADUAN

Majlis Optik Malaysia menerima aduan daripada pelbagai saluran termasuk melalui e-mel rasmi e-aduan MOC (eaduan.moc@moh.gov.my). Jumlah pertanyaan, pra-aduan dan aduan yang diterima dan diuruskan oleh MOC adalah seperti rajah berikut:



Sumber: Sektor Etika & Akta MOC

PENEMUAN KETIDAKPATUHAN TERHADAP AKTA OPTIK 1991



- TIDAK MEMPUNYAI APC TAHUN SEMASA
- TIADA PINK CERT
- TIDAK MENGEMASKINI APC
- PENGAMAL TIDAK BERDAFTAR
- PATUH AKTA OPTIK

Sumber: Sektor Etika & Akta MOC

AUDIT SURVEILANS OPTIK (ASO)

Audit Surveilans Optik (ASO) adalah audit yang dijalankan secara berkala ke atas optometris dan juruoptik berdaftar yang menjalankan amalan optometri di premis optikal di Malaysia. Bagi tahun 2024, audit telah dijalankan di Kuala Lumpur mengikut daerah dan kawasan terpilih yang telah ditetapkan. Pada tahun 2024, sebanyak 211 orang pengamal telah dinilai tahap pematuhan terhadap Akta Optik 1991 semasa ASO dijalankan di premis-premis terpilih.






AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2024





**SESI LIBAT URUS MOC BERSAMA DEWAN
BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)**

10 JANUARI 2024



HARI BERSAMA PELANGGAN MOC
27 FEBRUARI 2024



**SESI PERBINCANGAN MENGENAI CIRI-CIRI KESELAMATAN
SIJIL-SIJIL YANG DIKELUARKAN OLEH MOC BERSAMA PIHAK
CHIEF GOVERNMENT SECURITY OFFICER (CGSO) DAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, KKM**

20 MAC 2024



**MESYUARAT MOC KE-84 (BIL. 1/24) YANG
DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA PENGARAH
KESIHATAN MALAYSIA, DATUK DR.
MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

14 MEI 2024





SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI MOC

3 MEI 2024





**AUDIT SURVEILANS OPTIK DI
SEKITAR SUNGAI BESI, SERI
PETALING & BUKIT JALIL**

8 & 21 MEI 2024



**KURSUS PEMANTAPAN PASUKAN &
ORGANISASI, BAHAGIAN AMALAN
PERUBATAN, KKM DI INSTITUT
PENGURUSAN PELADANG, LANGKAWI**

10 - 12 MEI 2024





**LAWATAN PANEL PENILAI BAGI
PENILAIAN PEMANTAUAN
AKREDITASI SEMENTARA
PROGRAM DIP. IN OPTICIANRY,
UNIVERSITI UCSI**

4 JUN 2024



**LAWATAN PANEL PENILAI BAGI
PENILAIAN PEMANTAUAN
AKREDITASI SEMENTARA
PROGRAM BSC. (HONS.)
OPTOMETRY, UNIVERSITI SEGI**

6 JUN 2024



**BENGGEL PEMURNIAN PROSEDUR OPERASI
STANDARD PERKHIDMATAN PENJAGAAN MATA
PRIMER BAGI PROFESION OPTOMETRIS**

1 - 2 JULAI 2024



**SESI PERBINCANGAN BERKENAAN
PENJUALAN ALAT OPTIK DAN KANTA
LEKAP SECARA DALAM TALIAN BERSAMA
TIKTOK SHOP MALAYSIA**

9 JULAI 2024



JAMUAN MAKAN MALAM MOC
3 OGOS 2024





**BENGKEL AHLI PANEL PENILAI
MOC-MQA DI HOTEL SWISS
GARDEN, MELAKA**

16 - 19 OGOS 2024



**LAWATAN PANEL PENILAI BAGI
PENILAIAN PEMANTAUAN
AKREDITASI SEMENTARA
PROGRAM DIP. IN OPTICIANRY,
KOLEJ UNIVERSITI
ANTARABANGSA TWINTECH**

5 SEPTEMBER 2024





KURSUS KESEJAHTERAAN MENTAL & PENGURUSAN STRES, REHEAL: CORPORATE EDITION

30 SEPTEMBER 2024





MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERKHIDMATAN PRIMER: CREDENTIALING & PRIVILEGING

25 - 26 SEPTEMBER 2024



BENKEL MYSPECS 2030 KKM

29 OKTOBER 2024



SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN 2024
14 - 18 OKTOBER 2024





**SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN
KE-67 KKM**

20 OGOS 2024



**SESI SYARAHAN AKTA OPTIK 1991
BERSAMA PENUNTOT SIJIL FBDO
DARI KOLEJ AXISMATIC**

21 OGOS 2024





Kementerian Kesihatan Malaysia

